

**SOALAN NO. 24****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL  
SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 4 APRIL 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan mengapa Mahkamah Persekutuan tidak  
mempunyai mana-mana wakil daripada hakim yang berbangsa India.**

37

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keanggotaan hakim mengikut bangsa perlu dilihat secara menyeluruh meliputi semua peringkat mahkamah atasan iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Kedudukan keanggotaan hakim di semua peringkat mahkamah atasan pada 1 Mac 2018 adalah seramai 92 orang. Dari jumlah tersebut, 66 orang berbangsa Melayu, 3 orang Bumiputra Sabah dan Sarawak, 15 orang berbangsa Cina, 7 orang berbangsa India serta seorang lain-lain bangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah dibuat berdasarkan kriteria pemilihan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) iaitu seseorang calon layak bagi pemilihan jika dia memenuhi kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan dan mengambil kira perkara berikut:

- (i) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (ii) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;

- (iii) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (iv) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (v) kesihatan fizikal dan mental.

Di samping kriteria tersebut, kekananan seseorang hakim, kualiti penghakiman, keperibadian semasa menjalankan tugas (*judicial temperament*) adalah faktor yang dipertimbangkan semasa pemilihan seseorang hakim.

Suruhanjaya juga sentiasa memberi perhatian untuk menggalakkan kepelbagaian kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman tanpa mengira bangsa dan keturunan. Bagi tujuan ketelusan, pemilihan hakim-hakim untuk sesuatu jawatan dibuat secara undi sulit oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan mereka yang dipilih adalah berdasarkan keputusan majoriti.

Sekian, terima kasih.